

KMI buka peluang kepada individu berminat, tiada pengalaman pengajian agama

# Peluang kerja jadi mutawwiffah

**KUALA LUMPUR** — Perniagaan berkaitan perkhidmatan menguruskan umrah seringkali memerlukan mutawwif dan mutawwiffah berpengalaman khususnya individu yang terlibat dalam bidang pengajian agama, bahasa arab, sejarah nabi dan pelbagai lagi.

Sehubungan itu, peluang kerja dalam bidang berpotensi tersebut agak terhad dan memberi kesukaran kepada mereka yang tiada kemahiran tersebut.

Bagaimanapun, idea, kreativiti dan inovasi yang dibangunkan oleh pemilik syarikat UAF Mnasik Resources, Abdullah Feisal yang menganjurkan Kem Mutawwif Integrasi (KMI) baru-baru ini telah membuka ruang dan peluang kepada sesiapa yang berminat untuk menceburi bidang tersebut.

Mereka berpeluang menyertai meskipun tidak memiliki kelulusan dalam pengajian agama apakah tidak pandai ber-



**BARISAN** mutawwiffah yang berjaya dan menerima sijil penyertaan KMI di Ampang baru-baru ini.

bahasa Arab dan berpengetahuan dalam bidang pengurusan umrah.

Menurut beliau, idea pembangunan KMI telah mula terciptus sejak lapan tahun lalu dan ia

menjalani pelbagai fasa kajian dan pelbagai lagi cabaran hingga program tersebut berjaya direalisasikan melalui kerjasama dengan beberapa pihak.

"KMI terbuka kepada semua

dan ada juga mutawwif yang telah bekerja dengan syarikat lain tetapi mereka menyertai kem ini untuk meningkatkan ilmu, pengalaman dan kesedaran tentang umrah dan pelbagai lagi malah ia

membentuk jiwa yang lebih memahami tentang Nabi Muhammad SAW," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas majlis penyerahan sijil kepada kumpulan sulung peserta yang menyertai program tersebut dengan melibatkan 20 mutawwif dan 22 mutawwiffah yang diadakan di sebuah hotel di Ampang dekat sini.

KMI terbahagi kepada dua kategori iaitu bahagian pertama adalah penyertaan KMI selama tiga hari dengan bayaran penyertaan sebanyak RM899 seorang manakala kem umrah selama 12 hari dengan kos penyertaan sekitar hampir RM7,000 seorang.

Tambah Abdullah, selepas KMI, peserta boleh menawarkan khidmat mereka menjadi mutawwiffah untuk menguruskan jemaah umrah dari Malaysia kecuali permintaannya kini adalah sangat tinggi.